

DR 4 TAHUN 2019



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAJET

PENYATA PERTAMA SESI 2018-2020

HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN



DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK

17 JULAI 2019



JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAJET

Ahli-ahli

- 1) Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Jeli - PH-PPBM
- Pengerusi
- 2) Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Setiawangsa - PH-PKR
- 3) Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Wangsa Maju - PH-PKR
- 4) Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Bandar Kuching - PH-DAP
- 5) Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Kota Melaka - PH-DAP
- 6) Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Rembau - BN-UMNO
- 7) Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Kapit - GPS-PBB
- 8) Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah
Setiausaha Dewan Rakyat

Ex-Officio (Wakil Tetap)

1) Kementerian Kewangan Malaysia:

- (i) Encik Johan Mahmood Merican
Pejabat Belanjawan Negara;
- (ii) Encik Ezleezan Othman
Bahagian Cukai; dan
- (iii) Encik Imri Dolhadi Ab. Wahab
Bahagian Fiskal dan Ekonomi.

2) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi:

Encik Khalid bin Mohamed
Bahagian Bajet Pembangunan.

3) Jabatan Peguam Negara:

Puan Lim Kui Lee
Bahagian Penasihat.

4) Jabatan Akauntan Negara Malaysia:

YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa
Timbalan Akauntan
Negara (Operasi).

Urus setia Parlimen Malaysia

- 1) Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat
- 2) Encik Shaharзад bin Yusof
Seksyen Perundangan & Prosiding
- 3) Encik Norzulhilmi bin Nozir Ahmad
Seksyen Perundangan & Prosiding
- 4) Puan Mazidah binti Mohamed
Seksyen Jurubahasa & Terjemahan
- 5) Cik Nurul Adila binti Hamdan
Seksyen Jurubahasa & Terjemahan
- 6) Encik Johari bin Junid
Bahagian Penyelidikan & Perpustakaan
- 7) Encik Asri bin Adnan
Bahagian Penyelidikan & Perpustakaan
- 8) Puan Khairil Liza binti Mohd Salleh
Bahagian Penyelidikan & Perpustakaan

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	2
2.0 OBJEKTIF	3
3.0 AKTA-AKTA DAN GARIS PANDUAN BERKAITAN PENGURUSAN HUTANG	4
4.0 KEDUDUKAN HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN	7
5.0 STRATEGI PENGURUSAN HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN	31
6.0 RUMUSAN	33
7.0 SYOR	37
LAMPIRAN 1	38
LAMPIRAN 2	40

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet (JKPK Bajet) dalam Mesyuarat Bil. 2/2019 pada 26 Februari 2019 berpandangan adalah perlu ahli-ahli Parlimen mengetahui secara jelas dan terperinci mengenai kedudukan sebenar jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan kerana ia mempunyai implikasi terhadap belanjawan tahunan dan kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan.
- 1.2 JKPK Bajet telah memutuskan dalam mesyuarat tersebut untuk meminta Kementerian Kewangan membentangkan secara terperinci mengenai hutang dan liabiliti Kerajaan pada mesyuarat berikutnya.
- 1.3 Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan telah membentangkan taklimat pertama mengenai “Hutang dan Liabiliti Kerajaan” pada 12 Mac 2019 (Mesyuarat Bil. 3/2019). Susulan taklimat tersebut, beberapa maklumat tambahan telah dimohon oleh JKPK Bajet. Oleh itu, taklimat susulan telah dibentangkan pada 26 Mac 2019 (Mesyuarat Bil. 4/2019), 4 April 2019 (Mesyuarat Bil. 5/2019), 23 Mei 2019 (Mesyuarat Bil. 6/2019), 18 Jun 2019 (Mesyuarat Bil. 7/2019) dan yang terakhir pada 10 Julai 2019 (Mesyuarat Bil. 8/2019).
- 1.4 Laporan ini adalah hasil pembentangan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan serta mengambil kira penjelasan yang diberikan kepada JKPK Bajet berikutan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan ini.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan sering kali menjadi pertikaian semasa perbahasan dalam Parlimen. Perbahasan mengenai isu ini juga telah menimbulkan beberapa kekeliruan kepada rakyat. Oleh yang demikian, objektif laporan ini adalah untuk menjelaskan secara terperinci jumlah sebenar hutang dan liabiliti Kerajaan dan setakat mana kedudukannya memberi kesan kepada pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan agenda pembangunan negara.
- 2.2 Dengan menggunakan peruntukan di bawah Peraturan 81, Peraturan 83(2) dan Peraturan 86, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet telah diberikan beberapa taklimat khususnya oleh Kementerian Kewangan mengenai kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan.

3.0 AKTA-AKTA DAN GARIS PANDUAN BERKAITAN PENGURUSAN HUTANG

3.1 Hutang Kerajaan Persekutuan dibahagi kepada dua iaitu hutang domestik dan luar negeri. Seterusnya, hutang ini merangkumi dua kategori iaitu terbitan hutang dalam bentuk konvensional dan hutang patuh syariah. Pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan adalah dikawal selia di bawah beberapa undang-undang yang khusus seperti berikut:

3.1.1 Instrumen hutang domestik konvensional terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities* - MGS) yang diterbitkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] manakala Bil Perbendaharaan Malaysia (*Malaysian Treasury Bills* - MTB) diterbitkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188].

3.1.2 Selain itu, kertas sekuriti domestik patuh syariah iaitu Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues* - MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (*Malaysian Islamic Treasury Bills* - MITB) yang diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] bertujuan menyelia instrumen dana patuh syariah seperti diperakui Majlis Penasihat Syariah.

3.1.3 Hutang luar negeri pula diterbitkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].

3.2 Akta 637 dan Akta 275 memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mendapatkan pembiayaan dalam pasaran tempatan untuk perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang akan matang. Kedua-dua Akta ini memperuntukkan had statutori hutang terkumpul dalam negeri Kerajaan Persekutuan melalui terbitan MGS, MGII dan MITB tidak melebihi 55% daripada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada akhir Disember 2018, jumlah 3 instrumen hutang domestik ini telah bertambah kepada RM686.6 bilion atau 47.5% daripada KDNK (2017: RM634.2 bilion; 46.3%). Sementara itu, Akta 188 mengehendkan hutang MTB kepada RM10 bilion. Pada akhir 2018, MTB berjumlah RM4.5 bilion.

- 3.3 Akta 403 menghadkan pinjaman luar negeri terkumpul sehingga RM35 bilion. Pada akhir Disember 2018, pinjaman ini adalah sebanyak RM21.5 bilion. Had maksimum yang ditetapkan bagi pinjaman dalam dan luar negeri menjadi mekanisme kawalan dalam memastikan pengurusan hutang yang berhemat dan mampan.
- 3.4 Bagi memastikan disiplin dan pengurusan hutang yang berhemat, Kerajaan secara pentadbiran telah menetapkan had siling 55% daripada KDNK untuk keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan.
- 3.5 Selain itu, Kerajaan juga tertakluk kepada Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] bagi pengurusan Jaminan Kerajaan (*Government Guarantee* - GG) yang secara amnya ditadbir di bawah Seksyen 14(1), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akta ini membenarkan Kerajaan memberi jaminan ke atas pinjaman yang dibuat oleh badan korporat atau entiti tertentu iaitu badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, serta syarikat kerajaan negeri atau anak-anak syarikatnya. Entiti yang menerima fasiliti GG bertanggungjawab ke atas obligasi pinjaman manakala Kerajaan merupakan penanggung obligasi kedua atau penjamin. Sekiranya entiti berkenaan tidak dapat membayar hutang yang dijamin ini, maka ia akan menjadi obligasi yang perlu ditanggung Kerajaan. Walau bagaimanapun, perundangan sedia ada tidak memperuntukkan had bagi jumlah Jaminan Kerajaan.
- 3.6 Had-had berkaitan perundangan dan pentadbiran hutang adalah seperti ringkasan di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Akta-Akta dan Garis Panduan Berkaitan Hutang

Peraturan	Had Statutori	Had Pentadbiran
1. Pinjaman adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan sahaja	Akta Pinjaman (Tempatan) 1959	Memastikan baki semasa sentiasa mempunyai lebihan di mana perbelanjaan mengurus dibiayai oleh hasil.
2. Siling hutang dalam negeri (MGS, MGII, MITB)	Tidak melebihi 55% daripada KDNK (akhir 2018:47.5%) Kertas Statut 76 Tahun 2009 Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983	Had yang ditetapkan: 55% daripada KDNK.
3. Siling pinjaman luar pesisir	Tidak melebihi RM35 bilion (akhir 2018: RM21.5 bilion) Kertas Statut 77 Tahun 2009 Akta Pinjaman Luar Negeri 1963	
4. Terbitan Bil Perbendaharaan konvensional	Tidak melebihi RM10 bilion (akhir 2018: RM4.5 bilion) Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946	
5. Had bayaran khidmat hutang (<i>Debt Service Charges</i> - DSC)	Peruntukan bayaran khidmat hutang adalah item tanggungan dan tidak perlu dibentangkan di Parlimen Perkara 98 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan	DSC $\leq$ 15% daripada hasil atau perbelanjaan mengurus.
6. Jaminan oleh Kerajaan Persekutuan	i. Seksyen 14(1), Akta Tatacara Kewangan 1957	Jaminan oleh Kerajaan Persekutuan perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan dan selari dengan undang-undang.
	ii. Tiada had statutori Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (akhir 2018: RM266.5 bilion)	Entiti peminjam (badan berkanun/syarikat) bertanggungjawab terhadap obligasi bayaran balik manakala Kerajaan mempunyai obligasi sekunder terhadap perjanjian.

Sumber: Kementerian Kewangan.

4.0 KEDUDUKAN HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN

- 4.1 Objektif pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan secara umumnya ialah untuk memastikan hutang bagi membiayai perbelanjaan pembangunan diuruskan secara berhemah. Selain itu, pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk meminimumkan kos pembiayaan jangka sederhana dan panjang di samping mengurus pendedahan risiko mata wang dan kadar faedah serta menyediakan penanda aras bagi kadar pinjaman pasaran kepada sektor swasta (*benchmark for yield curve*).
- 4.2 Kedudukan keseluruhan hutang dan liabiliti Kerajaan adalah seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan 2017 - 2018 (Asas Tunai)

	RM bilion		% daripada KDNK	
	Akhir 2017	Akhir 2018*	Akhir 2017	Akhir 2018
1. Hutang Kerajaan Persekutuan**	686.8	741.0	50.1	51.2
2. Jaminan pinjaman yang ditanggung Kerajaan	102.1	132.7	7.4	9.2
3. 1Malaysia Development Berhad (hutang bersih)	38.3	32.2***	2.8	2.2
4. Liabiliti lain (PPP, PFI dan PBLT)	260.1	184.9	19.0	12.8
JUMLAH	1,087.3	1,090.8	79.3	75.4

* Anggaran

** Akhir Jun 2019: RM799.1 bilion atau 52.2% KDNK

*** Jumlah prinsipal

PPP: Projek Kerjasama Awam-Swasta (*Public-Private Partnership*)

PFI: Akaun Amanah PFI

PBLT: Pembinaan BLT Sdn. Bhd.

Sumber: Kementerian Kewangan.

- 4.3 Pada tahun 2011, International Monetary Fund (IMF) telah mengeluarkan manual *Public Sector Debt Statistics* yang berasaskan perakaunan akruan. Manual ini

menekankan pelaporan liabiliti yang lebih menyeluruh, merangkumi kesemua hutang dan obligasi Kerajaan. Pelaporan hutang dan liabiliti di bawah manual ini bukan sahaja merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan, malah liabiliti bagi entiti berkaitan Kerajaan (*quasi-Government*) dan liabiliti luar jangka meliputi pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.

- 4.4 Selaras dengan manual yang dikeluarkan oleh IMF, sebagai salah satu langkah untuk mengukuhkan pengurusan kewangan, pada tahun yang sama Kerajaan telah memulakan usaha untuk menambah baik pelaporan kewangan daripada asas tunai kepada prinsip akruan. Pada tahun 2014, pihak IMF telah melaksanakan perubahan kaedah pelaporan daripada *Government Finance Statistics Manual - GFSM 1986* berasaskan tunai kepada *GFSM 2014* berasaskan akruan. Berikutan perkembangan ini, semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pada tahun 2015, Kerajaan telah menyatakan bahawa sistem perakaunan secara akruan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam laporan kewangan sektor awam oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 4.5 Sehubungan itu, selaras dengan perkembangan ini, pada tahun 2016 Kerajaan telah mula mengumpul maklumat yang komprehensif mengenai kedudukan hutang dan liabiliti berasaskan komitmen tunai. Namun, kedudukan ini hanya dilaporkan bermula tahun 2018. Pelaporan kedudukan hutang dan liabiliti ini adalah berdasarkan kedudukan obligasi Kerajaan Persekutuan berasaskan komitmen tunai. Laporan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti oleh JANM yang dijangka diterbitkan pada Oktober 2019 akan menunjukkan baki prinsipal belum selesai pada tarikh pelaporan. Perbezaan antara pelaporan JANM adalah berkaitan komitmen PPP di mana JANM hanya mengambil kira bayaran pajakan dan tidak mengambil kira caj penyelenggaraan dan caj penggantian aset. Di samping itu, pelaporan JANM juga akan mengambil kira faktor kadar diskaun semasa ke atas keseluruhan jumlah bayaran pajakan.
- 4.6 Menerusi pelaporan berasaskan tunai, transaksi hanya akan direkodkan selepas transaksi (seperti hasil dan perbelanjaan) berlaku. Kaedah ini mudah untuk dilaksanakan dan direkodkan di mana tiada keperluan untuk merekod atau mengambil

kira transaksi tunai yang belum berlaku seperti transaksi pendapatan atau perbelanjaan terdahulu, atau pampasan dan tuntutan tertunggak.

- 4.7 Walau bagaimanapun, pelaporan secara akruan adalah lebih kompleks dan menyeluruh, merangkumi kesemua transaksi yang berlaku, walaupun belum melibatkan transaksi tunai. Kaedah secara akruan ini adalah lebih komprehensif dan realistik serta memberikan gambaran keseluruhan kedudukan kewangan jangka panjang. Sebagai contoh, sekiranya jaminan Kerajaan ke atas hutang sesebuah syarikat telah menjadi tanggungan Kerajaan, maka ianya perlu dilaporkan di dalam penyata kewangan Kerajaan.
- 4.8 Peningkatan hutang dan liabiliti Kerajaan berikutan kenaikan hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak RM54.2 bilion daripada RM686.8 bilion pada akhir 2017 kepada RM741 bilion pada akhir 2018 adalah bagi membiayai defisit tahun 2018 di mana pinjaman ini digunakan untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek RMKe-11. Di samping itu, terdapat juga peningkatan dalam jaminan pinjaman yang ditanggung Kerajaan untuk membiayai projek pengangkutan awam seperti East Coast Rail Link (ECRL), sistem transit aliran massa 2 (MRT2) dan transit aliran ringan 3 (LRT3) serta Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Peningkatan ini adalah untuk membiayai projek infrastruktur sedia ada dan bukan merupakan projek baharu. Manakala jumlah hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah berkurangan sebanyak RM6.1 bilion setelah mengambil kira hanya baki hutang prinsipal sahaja. Sementara itu, jumlah liabiliti lain (PPP, PFI dan PBLT) mencatatkan penurunan sebanyak RM75.2 bilion disebabkan oleh pelarasan semula jumlah komitmen di bawah PPP setelah proses semakan dan auditan, pengiraan dua kali (*double counting*), pembatalan projek serta bayaran komitmen yang telah dibuat melalui peruntukan belanjawan tahunan.
- 4.9 Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan pada akhir 2018 adalah dianggarkan sebanyak RM1,090.8 bilion berbanding RM1,087.3 bilion pada akhir 2017 seperti diperincikan dalam Jadual 2.

4.10 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

4.10.1 Pada akhir 2018, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM741 bilion atau 51.2% daripada KDNK. Ini adalah di bawah paras 55% daripada KDNK sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta berkaitan. Hutang Kerajaan Persekutuan ini juga telah dilaporkan dalam laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2018 yang diterbitkan pada Mac 2019. Hutang dalam negeri berjumlah RM719.5 bilion, sebahagian besarnya terdiri daripada MGS (RM380.3 bilion) dan MGII (RM304.3 bilion). Kertas MGS kekal sebagai instrumen utama pasaran tempatan iaitu 51.3% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, manakala MGII sebanyak 41.1%, telah meningkat lebih dua kali ganda daripada 13.9% pada 2008. Peningkatan ini berikutan usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosi instrumen patuh syariah seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Jadual 3: Instrumen Pembiayaan Kerajaan Persekutuan

	Instrumen	Butiran	RM / Mata Wang Asing	Tempoh Matang	Konvensional / Patuh syariah
1.	Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	Sekuriti hutang dalam negeri	Ringgit Malaysia (RM)	> 12 bulan	Konvensional
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII)				Patuh syariah
3.	Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB)	Terbitan hutang bagi tujuan mengurus tahap aliran tunai Kerajaan	RM	< 12 bulan	Konvensional
4.	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB)				Patuh syariah
5.	Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK)	Pembiayaan dana pinjaman perumahan penjawat awam oleh Bahagian Pinjaman Perumahan.	RM	> 12 bulan	Patuh syariah
6.	Pinjaman pasaran	Penerbitan bon atau sukuk	Mata wang asing	> 12 bulan	Konvensional / Patuh syariah

Sumber: Kementerian Kewangan.

Jadual 4: Hutang Kerajaan Persekutuan

	RM juta		% daripada KDNK	
	akhir 2017	akhir 2018	2017	2018
Hutang dalam negeri	665,572	719,545	48.5	49.7
Bil Perbendaharaan	4,500	6,500	0.3	0.4
MGS	364,672	380,345	26.6	26.3
MGII	268,000	304,300	19.5	21.0
Sukuk Perumahan Kerajaan	28,400	28,400	2.1	2.0
Pinjaman luar pesisir	21,265	21,504	1.6	1.5
Pasaran	15,580	15,907	1.2	1.1
Projek	5,685	5,597	0.4	0.4
JUMLAH	686,837	741,049	50.1	51.2

Sumber: Kementerian Kewangan.

4.10.2 Bil Perbendaharaan iaitu MTB dan MITB merupakan sekuriti jangka pendek dengan tempoh matang antara 91 hari dan 364 hari yang diterbitkan secara berkala untuk mengurus aliran tunai Kerajaan. Pada akhir 2018, Bil Perbendaharaan terkumpul berjumlah RM6.5 bilion iaitu 0.9% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Komponen lain hutang dalam negeri iaitu Sukuk Pinjaman Perumahan berjumlah RM28.4 bilion atau 3.8% daripada jumlah hutang. Sukuk ini masih ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan walaupun Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan telah dikorporatkan pada 2016 dan kini dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan dan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

4.10.3 Pinjaman luar negeri merangkumi pinjaman pasaran dan pinjaman projek berada pada paras yang stabil sebanyak RM21.5 bilion. Keseluruhan pinjaman pasaran terdiri daripada terbitan sukuk global dalam denominasi dolar AS pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Selain itu, jumlah pinjaman projek sebanyak RM5.6 bilion meliputi hutang dua hala dan pelbagai hala sedia ada bagi pembiayaan projek infrastruktur seperti perumahan, pembetungan dan tadahan air. Antara pemberi pinjaman projek adalah entiti antarabangsa seperti Japan International Cooperation Agency (JICA), Asian Development Bank (ADB), Islamic Development Bank (IDB) dan

kerajaan lain seperti Kanada, Perancis dan Sepanyol. Pinjaman projek yang terakhir dibuat adalah pada tahun 2015 daripada JICA untuk projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor. Sehingga akhir 2018, jumlah pinjaman terkumpul projek ini adalah JPY58.4 bilion (RM2.2 bilion).

- 4.10.4 Sebahagian besar instrumen hutang Kerajaan Persekutuan dipegang oleh pemastautin iaitu sebanyak RM558.6 bilion atau 75.4% daripada keseluruhan jumlah hutang terkumpul manakala selebihnya dipegang oleh bukan pemastautin. Pembeli utama instrumen hutang domestik terdiri daripada institusi yang kukuh dan berjangka panjang seperti institusi perbankan (30.9%), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (29.5%), syarikat insurans (4.8%) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (3.3%). Walaupun persekitaran luaran adalah mencabar, namun pemegang bukan pemastautin hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM182.5 bilion atau 24.6% daripada jumlah hutang terkumpul. Pemegang utama bukan pemastautin merupakan pelabur institusi dan berjangka panjang merangkumi pengurus aset dan dana (9.0%), bank pusat dan kerajaan (7.5%), dana persaraan (3.9%), institusi perbankan (2.5%), syarikat insurans (0.5%) serta institusi dua hala dan pelbagai hala dan lain-lain (1.1%). Pemegang bukan pemastautin dalam instrumen MGS mencatat 38.4% (akhir 2017: 45.1%) daripada keseluruhan jumlah MGS terkumpul.
- 4.10.5 Dalam memastikan pengurusan hutang dilaksanakan secara berhemah, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran pokok dan faedah merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat dan sehingga kini, Kerajaan tidak pernah gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.
- 4.10.6 Selaras dengan amalan pengurusan hutang yang baik, pengurusan profil kematangan hutang penting bagi meminimumkan risiko pembiayaan semula hutang. Kertas sekuriti terbitan Kerajaan adalah terdiri daripada

kertas bertempoh matang di antara 3 hingga 30 tahun. Setelah mengambil kira terbitan instrumen hutang dalam pasaran pada 2018, purata tempoh matang telah meningkat kepada 7.6 tahun berbanding 7.2 tahun pada 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan jumlah terbitan instrumen hutang berjangka panjang yang mempunyai kadar faedah lebih kompetitif serta kecenderungan pelabur kepada instrumen hutang berjangka panjang. Oleh itu, profil kematangan hutang lebih tertumpu kepada kertas hutang bertempoh matang lebih 10 tahun merangkumi 56.3% daripada jumlah hutang pada akhir Disember 2018. Baki hutang bertempoh matang 7 tahun dan ke bawah merangkumi 43.7%.

- 4.10.7 Pada akhir Jun 2019, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM799.1 bilion. Pertambahan ini adalah selepas mengambil kira jumlah pinjaman kasar sebanyak RM81.3 bilion, merangkumi RM31 bilion terbitan MGS, RM36 bilion terbitan MGII, RM6.5 bilion terbitan Bil Perbendaharaan serta RM7.8 bilion terbitan Bon Samurai dan pinjaman projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM23.3 bilion adalah untuk membiayai semula hutang yang matang manakala RM22.4 bilion untuk membiayai defisit fiskal Kerajaan iaitu bagi menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan. Baki sebanyak RM35.6 bilion akan digunakan untuk membiayai semula hutang yang akan matang dalam tempoh Julai - Disember serta defisit fiskal.

4.11 JAMINAN KERAJAAN (GG)

- 4.11.1 Jumlah Jaminan Kerajaan (GG) terkumpul pada akhir 2018 mencatat RM266.5 bilion. Berikut adalah senarai penuh jaminan pinjaman oleh Kerajaan:

Jadual 5: Jaminan Pinjaman Oleh Kerajaan Persekutuan (Akhir 2018)

Bil	Entiti	Tempoh matang	Baki pinjaman (RM juta)	Butiran
Jaminan yang perlu ditanggung			137,928	
1.	Asset Global Network Sdn. Bhd.	2013-2023	455	Pengambilalihan aset MAS semasa penstrukturan semula pada 2003/2013
2.	DanaInfra Nasional Berhad	2012-2049	52,740	Pendanaan bagi projek infrastruktur MRT dan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak
3.	Govco Holdings Berhad	2011-2032	7,300	Pelaburan dan Pinjaman Kerajaan - Melanggan saham dan memberi pinjaman Khazanah, Proton dan FIC Properties
4.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	2010-2041	5,751	Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang
5.	K.L. International Airport Berhad	1994-2019	94	Pembangunan KLIA
6.	Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd.	2017-2037	18,862	Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link, ECRL)
7.	Prasarana Malaysia Berhad	2008-2047	31,414	Infrastruktur dan operasi LRT, Rapid KL
8.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	2017-2037	7,925	Projek Saluran Paip Gas <i>Multi-Product</i> dan saluran Paip Gas Trans-Sabah
9.	MKD Kencana Sdn. Bhd.	2017-2031	3,500	Pengambilalihan 51% pegangan saham dalam syarikat Northern Gateway Sdn Bhd projek Kota Perdana dan pengambilalihan 51% pegangan saham di dalam syarikat Teon Choon Realty Company Sdn Bhd untuk pembangunan Taman Teknologi Ladang Air Manis, Kulai, Johor
10.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	2015-2020	800	Membiayai syarikat pelaburan MKD bagi pengambilalihan tanah dan penyaluran pinjaman kepada 1MDB
11.	SRC International Sdn. Bhd.	2014-2022	3,600	Pinjaman daripada KWAP untuk pelaburan sektor strategik
12.	TRX City Sdn. Bhd. (1MDB Real Estate Sdn. Bhd.)	2013-2022	485	Pinjaman daripada PERKESO untuk projek Bandar Malaysia
13.	1Malaysia Development Berhad	2009-2039	5,000	Syarikat pelaburan Kerajaan
Jaminan tidak perlu ditanggung			128,541	
14.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	2010-2023	4,000	Pinjaman daripada KWSP untuk projek pertanian
15.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	2016-2056	17,750	Pembiayaan pinjaman perumahan penjawat awam
16.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2013-2020	120	Pembiayaan semula pinjaman

Bil	Entiti	Tempoh matang	Baki pinjaman (RM juta)	Butiran
17.	Perbadanan PR1MA Malaysia	2020-2024	5,000	Pembangunan perumahan PR1MA
18.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	2006-2034	37,700	Pinjaman pelajar pendidikan tertiar
19.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	2000-2034	6,350	Pinjaman kepada projek pembangunan dan infrastruktur
20.	Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Berhad	2009-2029	2,600	Pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana
21.	Johor Corporation	2012-2022	2,600	Penstrukturan semula pembangunan ekonomi negeri
22.	Khazanah Nasional Berhad	2007-2032	15,000	Syarikat pelaburan Kerajaan
23.	Malaysia Debt Ventures Berhad	2008-2028	930	Pembiayaan kepada syarikat modal teroka
24.	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.	2010-2033	1,995	Pembangunan berkaitan pelabuhan
25.	Penerbangan Malaysia Berhad	2006-2018	469	Syarikat SPV pembelian pesawat MAS
26.	Pengurusan Air SPV Berhad	2011-2026	13,310	Pemilik aset air dalam program penstrukturan semula aset air
27.	Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	2012-2038	11,000	Pembiayaan projek lebuhraya
28.	Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	2007-2028	1,000	Membiayai projek hidro-elektrik Bakun
29.	Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.	2011-2024	330	Menaik taraf lapangan terbang Senai
30.	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	2018-2028	530	Projek pembinaan rumah terbenkakai dan pembinaan rumah mampu milik
31.	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	2000-2040	2,547	Projek rehabilitasi stesen janakuasa
32.	Turus Pesawat Sdn. Bhd.	2012-2032	5,310	Syarikat SPV pembelian pesawat MAS
	JUMLAH KESELURUHAN JAMINAN		266,468	


Sumber: Kementerian Kewangan.

4.11.2 Jaminan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM137.9 bilion merangkumi entiti yang melaksanakan projek infrastruktur seperti MRT, LRT, Lebuhraya Pan Borneo, KLIA, ECRL dan 1MDB. Ia perlu

ditanggung oleh Kerajaan kerana projek-projek ini tidak mampu menjana pendapatan bagi membayar prinsipal dan faedah pinjaman. Sebagai contoh, DanaInfra yang membiayai projek MRT tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membuat bayaran balik sukuk yang diterbitkan. Oleh yang demikian, bayaran balik pokok dan faedah akan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.


- 4.11.3 Manakala jaminan tidak perlu ditanggung adalah sebanyak RM128.5 bilion di mana entiti ini mempunyai kedudukan aliran tunai yang stabil. Walau bagaimanapun, sekiranya entiti tersebut tidak dapat membayar hutangnya, Kerajaan terpaksa menanggungnya dan perlu dikategorikan di bawah jaminan ditanggung Kerajaan.

Carta 1: Jaminan Kerajaan Mengikut Sektor (Akhir 2018)



Sumber: Kementerian Kewangan.

Carta 2: Profil Kematangan GG (Akhir 2018)



Sumber: Kementerian Kewangan.

4.12 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN 1MALAYSIA DEVELOPMENT BERHAD (1MDB)

- 4.12.1 Seksyen ini adalah bertujuan untuk menghuraikan obligasi yang dibuat oleh syarikat 1MDB serta kesannya kepada kedudukan kewangan serta tanggungan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan.
- 4.12.2 Sejarah penubuhan 1MDB bermula daripada Terengganu Investment Authority Berhad (TIA) yang ditubuhkan oleh Menteri Besar Terengganu Diperbadankan (MBI Terengganu) pada 27 Februari 2009. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih TIA pada 31 Julai 2009 dan dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). TIA ini kemudiannya dinamakan sebagai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 25 September 2009.
- 4.12.3 1MDB disasarkan sebagai sebuah syarikat pembangunan strategik. Antara pelaburan yang dibuat adalah usahasama dengan PetroSaudi Holdings (Cayman) Ltd serta pelaburan dalam sektor hartanah dan sektor tenaga.
- 4.12.4 Kerajaan terpaksa menanggung obligasi hutang 1MDB berikutan daripada sokongan kewangan yang telah diberikan kepada 1MDB antaranya:

- i. Jaminan Kerajaan ke atas terbitan sukuk berjumlah RM5.0 bilion yang berkadar faedah 5.75% dengan tempoh matang selama 30 tahun (2009-2039);
- ii. Surat sokongan (*letter of support*) yang dikeluarkan dalam Mac 2013 ke atas bon bernilai USD3.0 bilion (RM12.6 bilion) yang berkadar faedah 4.44% dengan tempoh matang selama 10 tahun (2013-2023); dan
- iii. Obligasi hutang daripada perjanjian antara 1MDB dan IPIC berkaitan “*debt for asset swap*” di mana 1MDB merupakan penjamin ke atas hutang syarikat-syarikat subsidiarinya iaitu 1MDB Energy Ltd dan 1MDB Energy (Langat) berjumlah USD3.5 bilion (RM14.6 bilion) iaitu USD1.75 bilion (RM7.3 bilion) masing-masing yang berkadar faedah 5.99% dan 5.75% dengan tempoh matang selama 10 tahun (2012-2022).

Jadual 6: Komponen Hutang 1MDB (Akhir 2018)

	Tempoh matang	Kadar (%)	Prinsipal (USD bilion) (RM bilion)		Pengatur Terbitan
Jaminan Kerajaan					
Sukuk	2009-2039	5.75		5.0	AmlInvestment Bank
IPIC-MOF Inc.					
1MDB Energy Ltd	2012-2022	5.99	1.75	7.3 *	Goldman Sachs
1MDB Energy (Langat)	2012-2022	5.75	1.75	7.3 *	
Letter of support					
Bon Global	2013-2023	4.44	3.0	12.6 *	Goldman Sachs
JUMLAH				32.2	

* Kadar tukaran mata wang RM4.1859 bersamaan dengan USD1.00.

Sumber: Kementerian Kewangan.

- 4.12.5 Penerbitan bon oleh 1MDB bernilai RM12.6 bilion (USD3.0 bilion) dan 1MDB Energy Ltd serta 1MDB Energy (Langat) sebanyak RM14.6 bilion (USD3.5 bilion) telah diatur oleh Goldman Sachs. Melalui penerbitan ini, Goldman Sachs telah dibayar komisen sebanyak USD600 juta (RM2.4 billion) atau 10 peratus dari jumlah bon pada masa tersebut.
- 4.12.6 Berikutan daripada masalah kewangan yang dihadapi, 1MDB terpaksa menjual beberapa aset seperti EDRA Energy dan tanah di Ayer Itam, Pulau Pinang bagi membiayai obligasi hutangnya. Selain itu, Kerajaan pada 2017 dan 2018 telah menyalurkan bantuan kewangan kira-kira RM8.1 bilion melalui Kementerian Kewangan dan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sebagai bayaran penyelesaian dengan IPIC dan bayaran faedah pinjaman 1MDB. Pada akhir Disember 2018, jumlah hutang 1MDB (prinsipal) yang belum selesai adalah RM32.2 bilion seperti di Jadual 6 di atas.

Jadual 7: Komitmen Keseluruhan Hutang 1MDB (Akhir 2018)

RM4.1859 = USD1	Prinsipal	Faedah	Jumlah
(RM juta)			
Sukuk	5,000	5,894	10,894
Bon Global	12,600	2,486	15,086
1MDB Energy (Langat)	7,300	1,474	8,774
1MDB Energy Ltd	7,300	1,536	8,836
Jumlah	32,200	11,390	43,590

Sumber: Kementerian Kewangan.

- 4.12.7 Komitmen hutang 1MDB terdiri daripada nilai sukuk dan bon yang merangkumi prinsipal (RM32.2 bilion) dan faedah (RM11.4 bilion) serta suntikan dana dari Kerajaan (RM8.1 bilion), yang keseluruhannya berjumlah RM51.7 bilion pada akhir Disember 2018.

Jadual 8: Anggaran Nilai Aset 1MDB (Akhir 2018)

Senarai Aset	RM juta	Nota
Tun Razak Exchange	1,800	Berasaskan nilai jualan (<i>net tangible assets</i>) di dalam <i>Share Sales Agreement</i> antara 1MDB dan Aroma Teraju Sdn Bhd pada Jun 2016.
Bandar Malaysia	8,000	Berasaskan nilai jualan bersih (nilai tanah ditolak sukuk Bandar Malaysia Sdn Bhd ditolak kos Pangkalan Udara Kuala Lumpur) di dalam <i>Share Sales Agreement</i> antara Tun Razak Exchange dan Piramid Pertama Sdn Bhd pada Disember 2015.
Pulau Indah	277	Berasaskan penilaian yang dibuat pada Julai 2017.
Ayer Itam	-	Tanah Ayer Itam telah dijual pada harga RM2.5 bilion dan digunakan untuk membayar sebahagian daripada perjanjian penyelesaian dengan IPIC.
JUMLAH	10,077	

Sumber: Kementerian Kewangan.

- 4.12.8 Aset-aset semasa 1MDB yang berpotensi untuk dibangunkan bagi mengurangkan beban hutang adalah seperti Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia dan Pulau Indah yang bernilai RM10.1 bilion seperti di Jadual 8.
- 4.12.9 Pada akhir 2018, sekiranya mengambil kira anggaran nilai aset (RM10.1 bilion), jumlah hutang 1MDB adalah sebanyak RM41.6 bilion (hutang 1MDB: RM51.7 bilion - nilai aset: RM10.1 bilion).
- 4.12.10 Kerajaan dijangka memperoleh semula sebahagian daripada hasil pemulihan aset 1MDB setelah proses perundangan dan perbincangan mengenai aset-aset berkaitan 1MDB dimuktamadkan. Proses mendapatkan semula aset-aset ini dijangka mengambil masa yang panjang kerana kebanyakan aset tersebut berada di luar negara seperti Singapura, Switzerland dan Amerika Syarikat. Sebarang keputusan termasuk cadangan membawa balik ke Malaysia masih dalam perbincangan dengan beberapa buah kerajaan yang terlibat (*Government to Government*).
- 4.12.11 Sehingga 27 Mei 2019, jumlah dana berkaitan 1MDB yang telah berjaya didapatkan kembali ialah kira-kira RM918.92 juta (termasuk faedah/hibah

bank) daripada beberapa mata wang asing termasuk dolar AS, dolar Singapura dan dolar Australia seperti berikut:

Jadual 9: Dana Berkaitan 1MDB

No.	Akaun Bank	RM Juta
1.	<i>1MDB Recovery Account</i>	30.30
2.	<i>MOF Recovery Account</i>	888.62
	Jumlah	918.92

Sumber: Kementerian Kewangan.

- 4.12.12 Antara aset utama 1MDB yang berjaya didapatkan kembali daripada pihak berkuasa Amerika Syarikat adalah hasil penjualan Park Lane Hotel sebanyak USD137 juta (jumlah bersih) dan wang daripada Red Granite Pictures sebanyak USD57 juta (jumlah bersih). Pihak berkuasa Singapura juga telah memindahkan dana dalam pelbagai mata wang daripada beberapa sumber.
- 4.12.13 Kapal *Equanimity* juga telah dijual kepada pembida tertinggi iaitu Genting Malaysia Bhd dengan harga USD126 juta (RM527.4 juta). Hasil jualan tersebut telah diterima sepenuhnya pada 23 April 2019 dan kini disimpan di dalam *Sheriff's Stakeholder Account* untuk tempoh tiga bulan bagi tujuan penyesuaian dengan tuntutan perbelanjaan penyelenggaraan kapal yang akan ditentukan melalui Perintah Mahkamah. Baki hasil jualan setelah ditolak jumlah perbelanjaan yang terlibat, akan didepositkan ke dalam *Recovery Account* milik 1MDB atau MOF dijangka pada suku ketiga tahun 2019.
- 4.12.14 Pada 30 Oktober 2018, Kerajaan telah memfailkan permohonan bagi pihak MKD dan 1MDB di Mahkamah Tinggi di London, England untuk mengetepikan *Consent Award* bertarikh 9 Mei 2017 yang telah direkodkan oleh *London Court of International Arbitration* (LCIA) dalam prosiding

timbang tara yang melibatkan IPIC, Aabar Investments PJS (Aabar PJS), 1MDB dan MKD atas dasar *Consent Award* tersebut telah terjejas oleh fraud dan/atau bercanggah dengan dasar awam. Berdasarkan *Consent Award*, 1MDB dan MKD, antara lain, terdedah (*exposed*) kepada obligasi pembayaran berbentuk tunai dan indemniti, secara kumulatifnya (*cumulatively*), dianggarkan sebanyak USD5.78 bilion kepada IPIC dan Pemegang Bon. Sekiranya permohonan ini berjaya, 1MDB dan MKD akan terlepas daripada pendedahan tersebut di bawah *Consent Award*. Ini merupakan langkah yang perlu diambil dalam proses untuk mempertikaikan keseluruhan perjanjian penyelesaian bertarikh 24 April 2017 antara IPIC, Aabar PJS, 1MDB dan MKD yang turut mengandungi terma-terma lain.

- 4.12.15 Proses untuk mendapatkan semula dana 1MDB sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara beberapa agensi tempatan dengan agensi asing daripada pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah negara asing. Namun, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa yang lain akan terus berusaha untuk mendapatkan semula semua dana 1MDB yang telah diseleweng sama ada melalui individu atau syarikat tertentu serta membawa semua pesalah ke muka pengadilan.
- 4.12.16 Sekiranya perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 4.12.9, 4.12.10, 4.12.11, dan 4.12.12 berjaya diperolehi sama ada sebahagian atau sepenuhnya, jumlah komitmen hutang yang perlu dibayar oleh kerajaan iaitu prinsipal dan bayaran faedah akan berkurangan.

4.13 LIABILITI - LIABILITI LAIN

Projek Kerjasama Sektor Awam-Swasta (*Public Private Partnership* - PPP) di Malaysia bermula sejak 1980-an dengan pengenalan Dasar Pensyarikatan Malaysia pada 1981 dan Dasar Penswastaan pada 1983. Dasar berkenaan diperkenalkan sebagai usaha mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Pada masa sama, dasar tersebut dapat mengeratkan kerjasama dan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan negara dengan matlamat strategik untuk meningkatkan daya saing Malaysia.

4.13.1 Projek Kerjasama Sektor Awam-Swasta (PPP)

4.13.1.1 PPP merupakan satu konsep pembangunan projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh pihak swasta dengan kerjasama pihak Kerajaan. Inisiatif PPP merupakan perkongsian pintar antara Kerajaan dan sektor swasta bertujuan menyediakan infrastruktur awam, kemudahan komuniti dan perkhidmatan yang berkaitan. Umumnya, PPP melibatkan perkongsian pelaburan, risiko, tanggungjawab dan ganjaran antara rakan kongsi. Objektif utama kerjasama ini diwujudkan bertujuan memastikan kecekapan pelaksanaan reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan infrastruktur untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Sejak diperkenalkan, PPP telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara dalam sektor pengangkutan, sosial dan keselamatan.

4.13.1.2 Dalam konteks Malaysia, PPP umumnya terdiri daripada penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta (*Private Finance Initiative* - PFI). Kaedah penswastaan termasuk penjualan aset atau ekuiti, pengkorporatan, pertukaran tanah, Bina-Kendali-Pindah (*Build Operate Transfer* - BOT), Bina-Kendali-Milik (*Build Operate Own* - BOO), kontrak penyumberan luar atau pengurusan

dan pajakan. Kaedah PFI pula termasuk Bina-Pajak-Pindah (*Build Lease Transfer* - BLT), Bina-Pajak-Selenggara-Pindah (*Build Lease Maintain Transfer* - BLMT) dan Bina-Pajak-Selenggara-Kendali-Pindah (*Build Lease Maintain Operate Transfer* - BLMOT). Sehingga kini, Malaysia telah berjaya melaksanakan lebih daripada 400 projek PPP dalam pelbagai sektor. Pada akhir 2018, terdapat 100 projek PPP melibatkan komitmen Kerajaan yang telah ditandatangani dengan sektor swasta berjumlah RM135.1 bilion dengan tempoh konsesi antara 10 hingga 30 tahun dan komitmen pembayaran terakhir pada 2047 seperti di Jadual 10.

Jadual 10: Komitmen Kewangan PPP Di Bawah UKAS (2018 - 2047)

Bil. Projek	Caj Ketersediaan	Caj Penyelenggaraan	Caj Penggantian Aset	Lain-lain Caj	Jumlah Komitmen*
	RM bilion				
	[a]	[b]	[c]	[d]	[a+b+c+d]
100	57.8	28.4	5.4	43.5	135.1

*Jumlah komitmen tunai yang perlu ditanggung Kerajaan mengikut perjanjian konsesi.

[a]: Bayaran berkaitan dengan pajakan kepada syarikat konsesi yang telah menyiapkan projek.

[b]: Bayaran berkaitan kerja penyelenggaraan aset dan berdasarkan *key performance indicators*.

[c]: Bayaran berkaitan penggantian aset (*hardware* dan *software*) untuk memastikan fungsi dan jangka hayat aset adalah berterusan.

[d]: Bayaran yang berkaitan dengan perkhidmatan, duti setem dan bayaran ikhtisas.

Sumber: Kementerian Kewangan.

4.13.1.3 Inisiatif PPP telah digunakan secara meluas merentasi sektor sosial, pentadbiran am, ekonomi dan keselamatan. Sektor sosial melibatkan 49 projek dengan komitmen sebanyak RM55 bilion atau 40.7% iaitu termasuk pembinaan beberapa kampus politeknik dan Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Hub Pendidikan Tinggi Pagoh dan perkhidmatan sokongan hospital. Sektor pentadbiran am yang merupakan sektor kedua terbesar

meliputi 29 projek dengan komitmen sebanyak RM38.6 bilion atau 28.6%. Projek-projek ini termasuk pembinaan bangunan Kerajaan, Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) dan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kenderaan Kerajaan. Sektor ekonomi pula melibatkan 15 projek dengan jumlah komitmen RM37.9 bilion atau 28% termasuk Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak; kompleks perikanan di Kuching, Sarawak; dan penyelenggaraan jalan persekutuan. Sementara itu, sektor keselamatan merangkumi 2.7 % atau RM3.6 bilion terdiri daripada tujuh (7) projek termasuk pembangunan kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan Sistem Biometrik (NERS). Senarai 10 projek utama yang meliputi hampir 43% daripada jumlah komitmen PPP adalah seperti Jadual 11.


Jadual 11: Senarai 10 Projek PPP Utama (2018 - 2047)

	Projek	Komitmen Kewangan (RM juta)
1.	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Melaka)	14,967
2.	Pembangunan Parcel F di Putrajaya	7,984
3.	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Johor, Negeri Sembilan & Melaka)	7,760
4.	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kedah & Perlis)	5,841
5.	Konsesi Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan)	5,060
6.	Pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak	4,123
7.	Pembinaan Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM	3,776
8.	Konsesi Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis)	2,898
9.	Gov. Integrated Radio Network (GIRN)	2,656
10.	Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Puncak Alam	2,595
	JUMLAH	57,660

Sumber: Kementerian Kewangan.

4.13.1.4 Komitmen RM135.1 bilion di bawah PPP dikira sebagai komponen liabiliti Kerajaan kerana projek-projek ini tidak menjana aliran tunai dan pendapatan kerana sebahagian besar projek ini merupakan projek infrastruktur dan perkhidmatan awam. Kerajaan Persekutuan perlu membayar sepenuhnya obligasi tersebut berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai setelah skop projek dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak kontraktor. Oleh yang demikian, Dasar Penswastaaan ini yang pada asalnya diperkenalkan sebagai usaha untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan sebenarnya kini telah menambah beban kewangan Kerajaan Persekutuan. Ini berikutan kaedah penswastaaan secara PPP- BLMT yang mirip kepada *deferred payment*, memberi obligasi langsung kepada Kerajaan.

Carta 3: Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor



Sumber: Kementerian Kewangan.

Jadual 12: Komitmen Tunai PPP Mengikut Kementerian (2018-2047)

KEMENTERIAN	Komitmen Kewangan (RM juta)
Jabatan Perdana Menteri	32,499
Kementerian Pengajian Tinggi	32,353

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	29,051
Kementerian Kesihatan Malaysia	22,684
Kementerian Kerja Raya	5,518
Kementerian Komunikasi dan Multimedia	2,413
Kementerian Dalam Negeri	2,014
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim	1,663
Kementerian Pertahanan	1,618
Kementerian Pendidikan Malaysia	1,385
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	1,370
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	911
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	880
Kementerian Kewangan	583
Kementerian Luar Negeri	204
JUMLAH	135,146

Sumber: Kementerian Kewangan.

4.13.2 Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)

4.13.2.1 PFI merupakan satu konsep pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pendekatan PFI telah diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai satu alternatif kaedah perolehan sektor awam bagi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan yang memanfaatkan inovasi dan kecekapan pengurusan sektor swasta. Pelaksanaan projek-projek PFI juga adalah langkah Kerajaan untuk memastikan pengurusan perolehan aset Kerajaan yang lebih cekap berasaskan pulangan nilai untuk wang (*value for money*) terhadap perbelanjaan Kerajaan.

4.13.2.2 Kaedah PFI adalah berbeza dengan PPP di mana Kerajaan telah menubuhkan syarikat bertujuan khas (SPV) untuk mendapatkan sumber pembiayaan PFI daripada Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP). Selain dari itu, Akaun Amanah PFI telah diwujudkan dalam RMKe-9 untuk membiayai projek infrastruktur termasuk sekolah, hospital, perumahan, universiti dan institut latihan, bangunan kerajaan, tadahan air serta kerja-kerja pengubahsuaian dan baik pulih. Obligasi terkumpul pada akhir Disember 2018 berjumlah RM43.5 bilion.

- 4.13.2.3 Sejumlah RM43.5 bilion dianggap sebagai komponen liabiliti Kerajaan kerana Kerajaan telah meminjam daripada KWSP dan KWAP melalui entiti Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek sosial dan infrastruktur awam yang sepatutnya perlu dibiayai di bawah peruntukan pembangunan. Sehubungan itu, Kerajaan perlu menyediakan peruntukan untuk membuat bayaran balik bagi pinjaman yang telah diambil.

4.13.3 Pembinaan Bina-Pajak-Pindah (BLT)

- 4.13.3.1 BLT merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan untuk membiayai pembangunan infrastruktur dan kemudahan kepada pasukan polis. Kaedah ini adalah seperti PPP namun dilaksanakan oleh syarikat Kerajaan iaitu Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT) yang ditubuhkan pada 2005 untuk membangunkan kuarters dan fasiliti polis. Konsep PPP hibrid diguna pakai melalui potongan elaun perumahan penghuni kuarters. Syarikat PBLT telah berjaya melaksanakan 74 projek dengan obligasi terkumpul berjumlah RM6.3 bilion pada akhir 2018.

- 4.13.3.2 Sehingga akhir 2018, jumlah hutang PBLT adalah RM6.3 bilion. Jumlah ini adalah sebahagian daripada komponen liabiliti Kerajaan kerana obligasi Kerajaan untuk membayar balik pinjaman berikutan pelaksanaan projek kuarters dan infrastruktur PDRM oleh entiti Kerajaan.

4.13.4 Secara keseluruhannya, setelah mengambil kira obligasi PPP, PFI dan BLT, maka pada akhir 2018 jumlah liabiliti lain adalah RM184.9 bilion seperti di Jadual 13.

Jadual 13: Kedudukan Liabiliti Lain

	Akhir 2017	Akhir 2018*	Akhir 2017	Akhir 2018
	RM bilion		% daripada KDNK	
1. PPP	201.4	135.1	14.7	9.3
2. PFI	50.2	43.5	3.7	3.0
3. PBLT	8.5	6.3	0.6	0.4
JUMLAH	260.1	184.9	19.0	12.8

* Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan.

4.14 KESAN HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN KE ATAS BEBAN HUTANG

4.14.1 Terdapat beberapa ukuran yang digunakan oleh penganalisis untuk mengenal pasti beban hutang ke atas kedudukan kewangan Kerajaan. Antaranya adalah seperti berikut:

4.14.1.1 Nisbah hutang kerajaan berbanding KDNK sebanyak 51.2% dan hutang serta liabiliti berbanding KDNK yang berada pada paras 75.4% pada akhir 2018.

4.14.1.2 Nisbah defisit Kerajaan Persekutuan yang disasarkan pada paras 3.4% daripada KDNK bagi tahun 2019.

4.14.1.3 Nisbah bayaran khidmat hutang berbanding hasil Kerajaan Persekutuan pada paras 13.1% bagi tahun 2018.

4.14.2 Nisbah-nisbah di atas perlu dipantau dan perubahannya perlu diberi penjelasan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, sejauh mana pemansuhan cukai GST dan pengenalan semula cukai SST serta bayaran

balik cukai GST dan cukai pendapatan memberi kesan kepada nisbah defisit Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK serta tanggungan hutang dan liabiliti Kerajaan.

5.0 STRATEGI PENGURUSAN HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN

5.1 Pada masa ini, akta-akta yang utama yang berkaitan dengan pengurusan fiskal dan hutang negara, antara lain, adalah seperti yang berikut:

- Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61]
- Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]
- Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]
- Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]
- Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]
- Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]
- Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [Akta 376]
- Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]

5.2 Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengurusan Hutang bagi menguruskan jumlah hutang dan liabiliti dengan lebih cekap dan berkesan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB Menteri Kewangan dan dianggotai oleh beberapa orang pakar. Jawatankuasa ini dijangka merangka strategi yang lebih berkesan bagi mengawal jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan.

5.3 Kementerian Kewangan mengesyorkan empat (4) strategi utama dalam menambah baik pengurusan fiskal dan mengekang hutang dan liabiliti Kerajaan seperti berikut:

5.3.1 Menggubal suatu akta yang dinamakan **Akta Tanggungjawab Fiskal** (*Fiscal Responsibility Act*) yang menggabungkan akta-akta sedia ada seperti Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] untuk menguatkan lagi kawal selia Kerajaan dalam kewangan sektor awam;

- 5.3.2 Menubuhkan *Debt Management Office* (DMO) di Kementerian Kewangan bagi memantau, menilai dan melaksanakan pengurusan hutang serta risiko fiskal termasuk impak liabiliti luar jangka kepada kedudukan kewangan kerajaan;
- 5.3.3 Menerapkan amalan-amalan terbaik dalam pengurusan hutang negara dan liabiliti Kerajaan dengan menganalisis, menilai, merumus dan melaksanakan strategi dan rangka kerja pengurusan hutang awam.
- 5.3.4 Melaporkan secara terperinci dalam belanjawan tahunan dan laporan kewangan dengan menyenaraikan secara komprehensif kesemua hutang dan tanggungan Kerajaan seperti PPP dan pindahan kepada setiap syarikat Kerajaan bagi tujuan bayaran balik hutang supaya pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan telus.

6.0 RUMUSAN

- 6.1 Sebelum 2018, kaedah pelaporan kedudukan hutang Kerajaan adalah berdasarkan manual GFSM 1986 oleh IMF yang berasaskan perakaunan tunai dan hanya mengambil kira hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan. Di bawah manual ini, kedudukan hutang Kerajaan mengambil kira obligasi langsung dan tidak mengambil kira obligasi lain seperti jaminan Kerajaan dan liabiliti lain seperti bayaran pajakan. Ini selaras dengan laporan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan tahunan oleh JANM yang melaporkan kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan di dalam Penyata Hutang Awam Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Jaminan Kerajaan turut dilaporkan di dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan sebagai memorandum kepada penyata kewangan tahunan tersebut.
- 6.2 Pada tahun 2011, IMF telah mengeluarkan manual *Public Sector Debt Statistics* yang berasaskan perakaunan akrual. Manual ini menekankan pelaporan liabiliti yang lebih menyeluruh, merangkumi kesemua hutang dan obligasi Kerajaan. Pelaporan hutang dan liabiliti di bawah manual ini bukan sahaja merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan, malah liabiliti bagi entiti berkaitan Kerajaan dan liabiliti luar jangka meliputi kertas jaminan Kerajaan. Seterusnya pada tahun 2014, pihak IMF telah mengeluarkan manual *Government Finance Statistics* 2014 yang berasaskan perakaunan akrual. Manual ini menekankan pelaporan aset dan liabiliti yang lebih menyeluruh, merangkumi kesemua aset dan liabiliti Kerajaan. Semua negara yang menjadi ahli IMF disarankan mengguna pakai manual baharu ini bagi menyediakan pelaporan yang lebih komprehensif.
- 6.3 Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM741 bilion pada akhir 2018. Selain itu, terdapat juga liabiliti jangka panjang Kerajaan merangkumi jaminan yang ditanggung Kerajaan (RM132.7 bilion), hutang 1MDB (RM32.2 bilion) serta obligasi lain termasuk projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah PPP, PFI dan PBLT (RM184.9 bilion) yang merupakan komitmen bayaran tunai yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh sehingga tahun 2047. Secara keseluruhan, jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan

sebanyak RM1,090.8 bilion pada akhir 2018 menggambarkan komitmen obligasi tunai jangka panjang Kerajaan Persekutuan.

- 6.4 Peningkatan hutang dan liabiliti Kerajaan berikutan kenaikan hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak RM54.2 bilion daripada RM686.8 bilion pada akhir 2017 kepada RM741 bilion pada akhir 2018 adalah bagi membiayai defisit tahun 2018 di mana pinjaman ini digunakan untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek RMKe-11. Di samping itu, terdapat juga peningkatan dalam jaminan pinjaman yang ditanggung Kerajaan terutama untuk membiayai projek pengangkutan awam seperti East Coast Rail Link (ECRL), sistem transit aliran massa 2 (MRT2) dan transit aliran ringan 3 (LRT3) serta Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Peningkatan ini adalah untuk membiayai projek infrastruktur sedia ada dan bukan merupakan projek baharu. Manakala jumlah hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah berkurangan sebanyak RM6.1 bilion setelah mengambil kira hanya baki hutang prinsipal sahaja. Sementara itu, jumlah liabiliti lain (PPP, PFI dan PBLT) mencatatkan penurunan sebanyak RM75.2 bilion disebabkan oleh pelarasan semula jumlah komitmen di bawah PPP setelah proses semakan dan auditan, pengiraan dua kali (*double counting*), pembatalan projek serta bayaran komitmen yang telah dibuat melalui peruntukan belanjawan tahunan.
- 6.5 Adalah penting bagi Kerajaan Persekutuan untuk merekodkan komitmen keseluruhan ini secara komprehensif kerana kesemua bayaran balik prinsipal dan faedah adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan memandangkan entiti tersebut tidak mempunyai pendapatan mencukupi untuk membayar balik obligasi hutang. Langkah ini diambil untuk memastikan dasar fiskal dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta memastikan setiap obligasi ini dapat dibiayai sepenuhnya sehingga tarikh matang dan tamat tempoh kontrak.
- 6.6 Perbelanjaan *off-budget* yang dilaksanakan secara PPP, PFI dan PBLT perlu diambil kira untuk mengetahui kedudukan liabiliti sebenar kerana Kerajaan terpaksa menanggung obligasi bayaran balik pokok dan faedah bagi projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah ini. Ia tidak ada bezanya dengan projek-projek

pembangunan yang dilaksanakan secara langsung oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun yang dibiayai menerusi pinjaman domestik dan luar negara.

- 6.7 Obligasi Kerajaan ini akan bertambah sekiranya Kerajaan terus mengalami defisit fiskal serta menambah komitmen lain, antaranya pelan pemulihan Lembaga Tabung Haji menerusi penubuhan SPV yang mengeluarkan sukuk sebanyak RM20 bilion, serta pelan penstrukturan semula FELDA yang memerlukan suntikan Kerajaan lebih RM6 bilion.
- 6.8 Langkah untuk membuat pelaporan secara akruan telah bermula pada tahun 2011. Selaras dengan tempoh peralihan ini, Kerajaan mengambil langkah melaporkan jumlah hutang dan liabiliti yang mencecah RM1.1 trilion pada akhir 2018 bagi memberi gambaran sebenar mengenai komitmen tunai jangka panjang yang perlu ditanggung. Selain itu, dengan mengenal pasti jumlah hutang dan liabiliti ini, Kerajaan akan dapat membuat perancangan pembangunan negara dengan lebih teliti dan berhemah bagi memastikan kedudukan hutang dan liabiliti adalah terkawal dan tidak membebankan kewangan Kerajaan. Dengan langkah ini juga Kerajaan akan dapat mengetahui dengan lebih tepat peruntukan bayaran khidmat hutang (*debt service charges*) yang perlu diperuntukkan setiap tahun. Berdasarkan jumlah hutang pada akhir 2018 bayaran khidmat hutang adalah kira-kira 13.1% daripada jumlah hasil. Nisbah peratusan ini adalah lebih tinggi sekiranya mengambil kira komponen liabiliti lain yang terpaksa ditanggung Kerajaan.
- 6.9 Pelaporan ini akan sentiasa ditambah baik selaras dengan prinsip perakaunan akruan di bawah *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) yang sejajar dengan piawaian *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS). Di bawah perakaunan akruan, semua komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan akan dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaporan secara akruan adalah lebih menyeluruh dan berdasarkan piawaian antarabangsa.

6.10 Sebagai rumusan, sebelum 2018, Kerajaan hanya melaporkan hutang serta penyata akaun memorandum jaminan berkanun Kerajaan Persekutuan. Mulai 2018, Kerajaan telah membuat keputusan untuk melaporkan jumlah hutang dan liabiliti berdasarkan jumlah tanggungan Kerajaan Persekutuan termasuk sebahagian hutang yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, projek-projek di bawah PPP, PFI dan BLT. Pendekatan ini diambil oleh Kerajaan kerana projek-projek di bawah PPP, PFI dan BLT yang disenaraikan dalam laporan ini tidak menjana aliran hasil yang membolehkan entiti ini membayar balik pinjaman pokok dan faedah. Oleh kerana bayaran balik hutang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, dari segi implikasi ke atas belanjawan negara ia tiada beza dengan projek-projek yang dibiayai secara langsung di bawah perbelanjaan pembangunan. Kedudukan ini adalah lebih tepat kerana obligasi bayaran balik prinsipal dan faedah hutang ini oleh Kerajaan Persekutuan bagi pihak entiti tersebut memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

7.0 SYOR

- 7.1 Sebagai langkah berhemah, Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet mengesyorkan lapan langkah yang perlu dilaksanakan untuk memperkukuhkan pengurusan dan meningkatkan ketelusan dalam konteks hutang dan liabiliti negara:
- 7.1.1 Kedudukan hutang dan liabiliti secara terperinci dibentang secara berkala kepada Parlimen bagi memantau prestasi bayaran balik, bayaran khidmat hutang dan beban hutang yang sebenarnya.
 - 7.1.2 Rekod dan pelaporan liabiliti di bawah GG, PPP, PFI dan PBLT perlu dimantapkan supaya obligasi sebenar projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah-kaedah ini diperincikan dengan butiran mengikut projek serta Kementerian dan dilaporkan di dalam Bajet tahunan.
 - 7.1.3 Membuat kajian dan penilaian dari semasa ke semasa mengenai senarai Jaminan Kerajaan (GG) yang perlu ditanggung dan senarai GG yang tidak perlu ditanggung oleh Kerajaan.
 - 7.1.4 Kerajaan menetapkan had berkanun atau pentadbiran ke atas jumlah terkumpul GG.
 - 7.1.5 Peruntukan dan perbelanjaan untuk membiayai liabiliti lain perlu diperinci dan dilaporkan dengan memperkenalkan kod butiran khusus bagi bayaran berkaitan hutang dan liabiliti dalam anggaran Bajet tahunan.
 - 7.1.6 Memperincikan komitmen perbelanjaan sebenar untuk bayaran khidmat hutang keseluruhannya dan nisbah bayaran khidmat hutang berbanding hasil.
 - 7.1.7 Memantau dari semasa ke semasa nisbah hutang dan liabiliti berbanding KDNK, nisbah defisit Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK serta bayaran khidmat hutang dan liabiliti berbanding hasil Kerajaan Persekutuan.
 - 7.1.8 Membuat analisa dari semasa ke semasa beban hutang negara berbanding negara lain, khususnya negara di rantau ASEAN serta beberapa negara maju.

LAMPIRAN 1

Senarai bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman daripada Kementerian Kewangan dan syarikat MKD kepada 1MDB

	Perkara	Tarikh Bayaran	RM Juta	Sumber Dana
1.	1MELL Bond Interest	19/04/2017	222.00	*SBSB - Dana dalaman syarikat
2.	1MEL Bond Interest	09/05/2017	230.00	MOF - B11
3.	IPIC Settlement	04/08/2017	220.00	MOF - B11
4.	IPIC Settlement	11/08/2017	1,199.00	MOF - GOVCO (RCCPS KNB)
5.	IPIC Settlement	30/08/2017	1,240.30	SBSB - Tanah Ayer Itam
6.	1MDB GIL Bond Interest	08/09/2017	283.80	SBSB - Tanah Ayer Itam
7.	1MELL Bond Interest	17/10/2017	216.34	SBSB - Tanah Ayer Itam
8.	1MEL Bond Interest	10/11/2017	225.37	SBSB - Tanah Ayer Itam
9.	1MDB Sukuk Coupon	29/11/2017	143.75	SBSB - Tanah Ayer Itam
10.	IPIC Settlement	12/11/2017	2,442.70	SBSB - Tanah Ayer Itam, Tanah **HMSB-BNM
11.	1MDB GIL Bond Interest	07/03/2018	260.00	SBSB - Dana dalaman syarikat, Tanah HMSB-BNM
12.	1MELL Bond Interest	18/04/2018	196.38	HMSB - PFI
	Jumlah 1		6,879.64	Seperti siaran media MOF pada 22 Mei 2018
13.	1MEL Bond Interest	11/05/2018	204.23	HMSB - PFI
14.	1MDB Sukuk Coupon	29/05/2018	143.75	HMSB - BNM Land
15.	1MDB GIL Bond Interest	07/09/2018	300.00	MOF - Dana Mudah Cara
16.	1MELL Bond Interest	18/10/2018	198.23	MOF - Dana Mudah Cara
17.	1MEL Bond Interest	11/11/2018	206.15	MOF - Dana Mudah Cara
18.	1MDB Sukuk Coupon	29/11/2018	143.75	MOF - Dana Mudah Cara
	Jumlah 2		8,075.75	Sehingga 31 Disember 2018
19.	1MDB GIL Bond Interest	05/03/2019	277.20	MOF - B11
20.	1MELL Bond Interest	15/04/2019	211.31	MOF - Dana Mudah Cara

21.	1MEL Bond Interest	09/05/2019	220.13	MOF - Dana Mudah Cara
22.	1MDB Sukuk Coupon	24/05/2019	143.75	MOF - Tabung Harapan
Jumlah 3			8,928.14	Sehingga 31 Mei 2019

* SBSB - Sentuhan Budiman Sdn Bhd

** HMSB - Hartanah Mampan Sdn Bhd

Sumber: Kementerian Kewangan.

LAMPIRAN 2

Komitmen Bayaran Balik Cukai

Selain dari hutang dan liabiliti yang telah dinyatakan, Kerajaan juga mempunyai komitmen untuk membuat pembayaran terhadap tanggungan-tanggungan lain seperti berikut:

Bayaran Balik Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah yang merupakan perbezaan antara jumlah taksiran cukai dan jumlah yang telah dikutip oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Berdasarkan kedudukan pada 31 Disember 2018, tanggungan ini berjumlah RM18.4 bilion. Sebanyak RM18 bilion telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai dalam tahun 2019 bagi pembayaran tanggungan ini.

Komitmen Bayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang merupakan jumlah tuntutan bayaran balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang masih dalam proses verifikasi. Kedudukan pada 31 Disember 2018 menunjukkan tanggungan berjumlah RM25.9 bilion. Sebanyak RM3.9 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada tahun 2018 bagi penyelesaian komitmen ini manakala sebanyak RM19 bilion telah diperuntukkan dalam tahun 2019. Kerajaan perlu memastikan proses verifikasi dan pengauditan dilaksanakan sepenuhnya sebelum bayaran balik dibuat.

Liabiliti Pencen dan Gratuiti

Kerajaan juga komited terhadap pembayaran pencen dan gratuiti. Berdasarkan unjuran pembayaran ke hadapan yang dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 2015 ke atas penjawat awam yang sedang berkhidmat dan pesara sedia ada, liabiliti pencen dan gratuiti ini berjumlah RM306 bilion.

Seksyen 13(2)(a) Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662) menetapkan komitmen Kerajaan untuk menyalurkan peruntukan kepada Kumpulan Wang tersebut bagi memastikan ia sentiasa mencukupi bagi melaksanakan urusan pembayaran pencen. Sebanyak RM21.3 bilion telah dibelanjakan bagi pembayaran pencen pada tahun 2018 manakala RM20.3 bilion diperuntukkan bagi pembayaran pencen bagi tahun 2019.

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAJET DR 4 TAHUN 2019

Tandatangan Ahli-ahli

- 1) Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Jeli
- Pengerusi


.....

- 2) Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Setiawangsa


.....

- 3) Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Wangsa Maju


.....

- 4) Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Bandar Kuching


.....

- 5) Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Kota Melaka


.....

- 6) Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Rembau


.....

- 7) Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
Ahli Parlimen Bagi Kawasan Kapit


.....